

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kompaun yang telah dikeluarkan untuk kegagalan pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk menangani penularan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah bilangan kompaun melanggar SOP yang telah dikeluarkan sejak 2020 hingga kini ialah 181,704 kompaun. Pecahan kompaun bagi tahun 2020 dan 2021 adalah seperti berikut :

- i) Jumlah kompaun yang telah dikeluarkan pada tahun 2020 adalah sebanyak 67,542 kompaun. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 43,685 kompaun telah dibayar bernilai RM 43.6 Juta.
- ii) Jumlah kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2021 hingga 23 Ogos 2021 adalah sebanyak 114,162 kompaun. Daripada jumlah tersebut, 26,627 kompaun telah dibayar bernilai RM 29.1 Juta.

Sekian, terima kasih.